

PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUAL ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
(LELONGAN KALI PERTAMA/KEDUA)

Fail Pejabat: PTK. 08/53/2023/0004

Dalam Perkara Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965

DI ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN
SEKTOR AWAM

... **PEMEGANG GADAIAN**

DAN

MOHD HIDAYAT BIN ALIAS
NO. K/P: 750623-11-5051

... **PENGGADAI**

Menurut perintah Pentadbir Tanah Kemaman yang diperbuat pada **30.01.2024** adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kemaman

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

PADA : **27.11.2024**

JAM : **10.30 PAGI**

TEMPAT : **PEJABAT TANAH KEMAMAN**

NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat Carian Persendirian/rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

JENIS DAN NO. HAKMILIK	: PM 3310
MUKIM/DAERAH/NEGERI	: Kertih/Kemaman/Terengganu
TEMPAT/LOKALITI	: Kampung Kertih
NO. LOT/PETAK/PT	: 11321
KELUASAN	: 99 mp
CUKAI TANAH/TAHUNAN	: RM 10.00
TUANPUNYA BERDAFTAR	: Mohd Hidayat bin Alias No. K/P: 750623-11-5051
TARAF PEGANGAN	: Pajakan
TEMPOH PAJAKAN	: 99 Tahun
JENIS/KATEGORI	: Bangunan
PENGUNAAN TANAH	

SYARAT NYATA :

- i) Hendaklah didirikan sebuah bangunan rumah teres (kediaman) sahaja
- ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Kemaman, hendaklah didirikan dan disiapkan sebuah

bangunan rumah kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

SEKATAN KEPENTINGAN : i. Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah Kemaman.
ii. Skatan kepentingan (i) di atas tidak tertakluk kepada penerima Pemilik Pertama.

CATATAN DAN KEMASUKAN LAIN : "TANAH ORANG MELAYU"

BEBANAN (PEMEGANG GADAIAN) : Digadai kepada **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**
- No. Pers. 3552/2002 Bertarikh 04.12.2002

LOKASI DAN PERIHAL TANAH : Hartanah ini terletak di **No. 7011, Jalan Dulang 3, Bandar Baru Seri Kertih, 24300 Kerteh, Terengganu.**


HARGA REZAB : **RM 225,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Dua Puluh Lima Ribu Sahaja)**

SYARAT-SYARAT JUALAN :

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu* dan ~~lain-lain Bangsa~~ ~~Warga Negara Malaysia~~ yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari Harga Rezab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Kemaman dalam perintah (Borang 16H) ATAU Perisytiharan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/menyerah **Deposit sebanyak 10% daripada Harga Rezab** iaitu selewat-lewatnya **60 minit** sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran Depositnya (3) hendaklah dalam bentuk **BANK DRAF** (SAHAJA) kepada **PEMEGANG GADAIAN** dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan disebelah belakang Bank Draf berkenaan.
5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar/menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit sepuluh (10) peratus daripada harga pembelian/tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf/wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.
6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jual beli dengan penyaksian.
7. Baki harga tawaran / pembelian (90 %) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mulai tarikh perjanjian jualbeli dibuat. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah Melanggar

Perjanjian Jualbeli dan wang deposit 10 % akan dirampas dan akan digunakan/diagihkan mengikut Seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001 .

8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.
9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.



(NURUL AIN BINTI HUSIN)

Penolong Kanan Pentadbir Tanah (Pendaftaran)

b.p. Pentadbir Tanah

Kemaman.

Bertarikh : 23.10.2024

s.k:

- i. Di atas Tanah Berkaitan
- ii. Papan Notis Pejabat Tanah Kemaman